

26/07/1998

Pulau Rebak idaman pengunjung

Mohd Amin Yusoff

BAYANGKAN pantai yang putih bersih dipayungi pepohon kelapa di sana sini. Bayangkan laut biru yang tenang; bergemerlapan kerana pantulan cahaya dari matahari yang menyinar tinggi.

Bayangkan anda sedang menghirup air di sebuah marina yang berhadapan dengan pandangan berkenaan. Bayangkan juga berpuluh-puluh kapal layar berlabuh di marina itu.

Bayang-bayang destinasi pelancongan Caribbean? Tidak. Sebenarnya suasana dan pemandangan ini terdapat di Pulau Rebak, Langkawi.

Pulau Rebak seluas 156 hektar yang terletak di barat Pulau Langkawi, dimajukan sejak awal 1990-an lagi. Ia dibuka kepada pelancong sejak Mei tahun lalu dan dibangunkan dengan konsep ala-Caribbean memberikan satu kelainan kepada pengunjung.

Pulau ini dibangunkan dengan konsep sedemikian rupa kerana lokasi yang terletak dalam laluan kapal layar dari Pasifik dan Australia menuju Thailand. Marina bertaraf antarabangsa ini menyediakan 128 pens (tempat berlabuh) dan akan ditingkatkan menjadi 250 pens tidak lama lagi.

Kedatangan pelayar dari seluruh dunia menjadikan suasana pulau ini begitu berbeza dengan lokasi percutian lain. Kebanyakan pelayar yang berada di sini sibuk dengan hal masing-masing namun masih ramah dan tidak lokek untuk bertegur sapa atau sekurang-kurangnya mengucapkan selamat pagi ketika berselisih dengan pengunjung lain.

Untuk ke Pulau Rebak anda hanya perlu menaiki bot dari Jeti Langkasuka yang terletak kira-kira lima kilometer dari Lapangan Terbang Antarabangsa Padang Mat Sirat. Jika anda seorang yang mabuk laut anda tidak perlu risau kerana perjalanan dengan bot cuma mengambil masa 15 minit.

Rebak Marina Resort menyediakan 28 chalet keluarga, 24 bilik mewah dan empat bilik junior yang sesuai dengan semua pengunjung sama ada bercuti bersama keluarga atau berpasangan. Semua bilik dilengkapi kemudahan hawa dingin, telefon, TV, mini bar dan pelbagai kemudahan lain.

Sepanjang berada di pulau ini, anda boleh melakukan pelbagai aktiviti mengikut minat masing-masing. Pusat sukan dan rekreasi menyediakan pelbagai aktiviti seperti berenang, snuker, dart, bola tampar pantai, tenis atau menghabiskan masa di gimnasium.

Kepada yang gemar aktiviti kembara dan mencabar anda boleh mencuba kenu, belayar, memancing atau mengikuti trip melihat matahari terbenam (sunset) dengan menaiki bot Bahtera Purba milik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jika anda seorang kaki pancing anda tidak perlu bersusah payah membawa peralatan kerana resort ini menyediakan semua kemudahan dengan kadar sewa yang berpatutan. Anda boleh menguji kemampuan kerana perairan pulau ini dikatakan kaya dengan pari, kerapu dan siakap.

Selepas penat bermain air atau memancing anda boleh menjamu selera di Marina Cafe yang menyediakan pelbagai jenis masakan selera Timur dan Barat.

Suasana di sini amat tenang dan jauh daripada hiruk-pikuk enjin kenderaan kerana hampir tidak ada kenderaan bermotor. Jika adapun mungkin hanya sebuah dua skuter petugas Rebak Marina Resort.

Pasir pantainya yang memutih dengan air yang belum tercemar menjadikan Pulau Rebak begitu sesuai untuk bersantai bersama keluarga atau orang tersayang. Kedamaian di pulau ini mungkin mampu membuatkan anda melupakan seketika masalah di pejabat atau tidak mustahil jika terasa berat untuk

melangkah pulang.

Kepada yang berminat mengunjungi ke pulau ini anda boleh mendapat keterangan lanjut melalui 603-2028822 atau 604-9665566.

(END)